



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***PERBANDINGAN PENGUASAAN LEKSIKAL BUDAYA BAHASA CINA
DAN BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN MURID CINA***


KOH SU FAN

FBMK 2018 24



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI

**PERBANDINGAN PENGUASAAN LEKSIKAL BUDAYA BAHASA CINA
DAN BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN MURID CINA**



Oleh

KOH SU FAN

**Tesis ini Dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti
Putra Malaysia sebagai Memenuhi Keperluan untuk Ijazah Master
Sastera**

Jun 2018

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

**PERBANDINGAN PENGUASAAN LEKSIKAL BUDAYA BAHASA CINA
DAN BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN MURID CINA**

Oleh

Koh Su Fan

Jun 2018

Pengerusi: Prof. Madya Ang Lay Hoon, PhD
Fakulti: Bahasa Moden Dan Komunikasi

Penggunaan leksikal budaya merupakan salah satu cara untuk mengenali budaya sesuatu etnik. Hal ini kerana leksikal budaya mengandungi maksud yang tersendiri bagi budaya etnik tertentu tetapi membawa maksud yang berlainan bagi etnik yang berlainan. Ekoran daripada hal ini, timbul kekeliruan pemahaman kepelbagaian budaya disebabkan budaya yang berlainan ini. Keadaan ini boleh menimbulkan salah faham antara etnik yang berlainan.

Untuk mengenal pasti penggunaan leksikal budaya serta pemahaman maksud leksikal budaya, kajian perbandingan penguasaan leksikal budaya bahasa Cina dan leksikal budaya bahasa Melayu telah dijalankan di sebuah sekolah rendah jenis kebangsaan Cina di Malaysia. Kajian ini dijalankan untuk mencapai dua objektif, iaitu a) mengenal pasti leksikal budaya yang terdapat dalam penulisan karangan, b) menganalisis leksikal budaya bahasa Cina dan leksikal budaya bahasa Melayu yang dominan dalam penulisan karangan. Seramai 30 orang murid Cina Tahun Lima sekolah rendah terlibat dalam kajian ini. Data leksikal budaya dikumpul dengan melibatkan penulisan dua buah karangan bahasa Cina dan dua buah karangan bahasa Melayu serta temu bual. Hasil data dianalisis dengan pengiraan bilangan dan peratusan leksikal budaya dalam penulisan. Lima kategori budaya yang terkandung dalam Teori Newmark (1988) telah diadaptasikan untuk menganalisis data kajian, iaitu a) ekologi, b) budaya material, c) budaya sosial, d) adat resam, aktiviti, agama, kesenian dan konsep, e) gerak-laku dan tabiat.

Data kajian telah menunjukkan murid Cina dapat menguasai leksikal budaya bahasa Cina di bawah kategori adat resam, aktiviti, agama, kesenian dan

konsep (38.89%). Kategori konsep mencakupi 59.1% merupakan leksikal budaya yang paling tinggi dikuasai oleh murid-murid Cina. Konsep tersebut ialah panggilan saudara-mara. Hal ini menunjukkan etnik Cina amat mementingkan hubungan sosial antara saudara mara. Untuk leksikal budaya bahasa Melayu pula, murid Cina dapat menguasai leksikal budaya bahasa Melayu di bawah kategori budaya material (60.49%). Kategori makanan mencakupi 73.3% daripada semua sub kategori material. Murid-murid Cina paling familiar dengan nama kuih-muih dan masakan Melayu. Memandangkan semakin banyak leksikal budaya dapat dikuasai, semakin tinggi pemahaman terhadap budaya tertentu. Penguasaan ilmu pengetahuan tidak lagi terhad pada buku teks atau bilik darjah, tetapi perlu ditambahkan lagi dengan pembelajaran dalam kehidupan harian. Justeru itu, leksikal budaya dapat membantu murid-murid untuk meluaskan perspektif terhadap kepelbagaian budaya, kepercayaan dan pengetahuan di dunia. Perpaduan antara pelbagai etnik dapat dipupuk setelah mencapai pemahaman budaya. Murid-murid akan mempunyai apresiasi dan toleransi antara satu sama lain serta menghargai budaya masing-masing.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Arts

COMPARISON OF CHINESE AND MALAY LEXICAL CULTURE MASTERING AMONG CHINESE PUPILS

By

Koh Su Fan

Jun 2018

Chair: Prof. Madya Ang Lay Hoon, PhD
Faculty: Modern Language and Communication

The use of lexical culture is one of the ways to recognize an ethnical culture. This is because the lexical culture contains distinctive meanings for certain ethnic cultures but has different meanings for different ethnicities. As a result of this, there is a confusion of understanding the diversity of cultures due to these different cultures. This situation can cause misunderstandings between different ethnic groups.

To identify the use of lexical cultures as well as the understanding of cultural lexical intentions, comparative studies of lexical cultures mastery of Chinese language and Malay language were conducted in a Chinese-type primary school in Malaysia. This study was conducted to achieve two objectives, namely: a) to identify the lexical cultures in writing, and b) analyse the Chinese lexical cultures and Malay lexical cultures in writing. A total of 30 Chinese Year Five students of primary school were involved in this study. Lexical culture's data is collected by involving the writing of two Chinese language essays, two Malay language essays and interviews. The data were analysed by calculating the number and percentage of lexical culture in writing. The five categories of culture contained in Newmark Theory (1988) have been adapted to analyse the study data, a) ecology, b) material culture, c) social culture, d) customs, activities, religion, arts and concepts, e) behavior and habits.

The data of the study showed that Chinese students were able to master the lexical culture of Chinese language under the customs, activities, religions, arts and concepts (38.89%). The concept category covers 59.1% is the highest lexical culture dominated by Chinese students. The concept is the call of relatives. This showed that Chinese ethnicity is very concerned with

social relations between relatives. For the lexical culture of Malay language, Chinese students can master the lexical culture of Malay language under the category of material culture (60.49%). The food category accounts for 73.3% of all material sub-categories. Chinese students are most familiar with the names of cakes and Malay cuisine. As the more lexical cultures can be mastered, the higher understanding of certain cultures. Mastery of cultural knowledge is no longer limited to textbooks or classrooms, but needs to be added to learning in daily life.

Hence, lexical culture can help students to widen the student's perspective on the diversity of cultures, beliefs and knowledge in the world. The unity of the various ethnic groups can be nurtured after attaining cultural understanding. Pupils will have an appreciation and tolerance to each other and respect each other's culture.



PENGHARGAAN

Setinggi penghargaan yang tidak terhingga ditujukan khas kepada penyelia tesis, Prof. Madya Dr. Ang Lay Hoon yang telah banyak memberikan bimbingan, tunjuk ajar serta memberikan komen dan idea yang berharga untuk meningkatkan kualiti kajian ini, sekaligus membawa kepada penyiapan tesis. Terima kasih khas ini juga ditujukan kepada ahli jawatankuasa, Dr. Hasnah Mohamad yang telah memberi bimbingan, komen dan masa yang berharga untuk memperbaiki kandungan tesis.

Tidak ketinggalan ucapan penghargaan ini juga turut ditujukan kepada pihak yang terlibat dalam proses pengumpulan data iaitu Pejabat Pendidikan Daerah Alor Gajah dan murid-murid Cina Tahun Lima 2016 di sebuah sekolah rendah jenis kebangsaan Cina, Melaka. Mereka kini telah mencapai keputusan yang cemerlang dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR). Selain itu, terima kasih juga diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam proses penyiapan tesis ini terutamanya kakitangan akademik Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia di atas pandangan dan idea yang diberikan.

Akhir sekali, ucapan teristimewa ini juga ditujukan buat keluarga tercinta dan rakan-rakan kerana banyak memberikan dorongan dan idea dalam proses menyiapkan penulisan tesis ini. Terima kasih kepada kedua-dua ibu bapa kerana sentiasa mendoakan kejayaan penulis.

Kerjasama semua amatlah dihargai. Sekian, terima kasih.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 25 Jun 2018 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Koh Su Fan bagi menilai tesis beliau yang bertajuk "Perbandingan Penguasaan Leksikal Budaya Bahasa Cina dan Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Cina" mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sains.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Syed Nurulakla b Syed Abdullah, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Rohaidah binti Kamaruddin, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Chew Fong Peng, PhD

Pensyarah Kanan
Universiti Malaya
Malaysia
(Pemeriksa Luar)



RUSLI HAJI ABDULLAH, PhD
Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 30 Ogos 2018

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

ANG LAY HOON, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

HASNAH MOHAMAD, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh :

Perakuan Sebagai Siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____

Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Koh Su Fan (GS 42963)

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012- 2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Nama Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan :
Prof. Madya Dr. Ang Lay Hoon

Tandatangan: _____

Nama Ahli Jawatankuasa Penyeliaan :
Dr. Hasnah binti Mohamad

ISI KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii
BAB	
1	
PENGENALAN	
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Permasalahan Kajian	3
1.3 Objektif Kajian Dan Soalan Kajian	6
1.4 Skop Kajian	7
1.5 Kepentingan Kajian	7
1.6 Kesimpulan	8
2	
SOROTAN KAJIAN	
2.1 Pengenalan	9
2.2 Budaya dan Bahasa	9
2.3 Penetapan Klasifikasi Leksikal Budaya	10
2.4 Teori Newmark (1988)	13
2.5 Kajian Leksikal	14
2.5.1 Kajian Leksikal Budaya	14
2.5.2 Kajian Leksikal Dari Aspek Linguistik	18
2.6 Perkaitan Kajian Dengan Sorotan Kajian Lepas	22
2.7 Kesimpulan	22
3	
METODOLOGI KAJIAN	
3.1 Pengenalan	24
3.2 Reka Bentuk Kajian	24
3.2.1 Kaedah Kajian	24
3.2.2 Tempat Kajian	24
3.2.3 Populasi dan Persampelan	25
3.2.4 Profil Responden	26
3.2.5 Instrumen Kajian	27
3.2.6 Tatacara Pengumpulan Data	28
3.2.7 Penganalisisan Data	29
3.2.8 Kerangka Teori	33

3.3	Kajian Rintis	33
3.3.1	Metodologi Kajian	34
3.3.2	Analisis Dapatan Kajian Rintis	35
3.3.3	Kesimpulan Kajian Rintis	39
3.4	Kesimpulan	39
4	ANALISIS DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN	
4.1	Pengenalan	40
4.2	Leksikal Budaya Dalam Karangan Bahasa Cina	40
4.2.1	Dapatan Secara Umum	40
4.2.2	Ekologi	41
4.2.3	Budaya Material	42
4.2.4	Budaya Sosial	47
4.2.5	Adat Resam, Aktiviti, Agama, Kesenian dan Konsep	50
4.2.6	Gerak Laku dan Tabiat	54
4.2.7	Penguasaan Leksikal Budaya Cina	55
4.3	Leksikal Budaya Dalam Karangan Bahasa Melayu	58
4.3.1	Dapatan Secara Umum	58
4.3.2	Ekologi	58
4.3.3	Budaya Material	59
4.3.4	Budaya Sosial	62
4.3.5	Adat Resam, Aktiviti, Agama, Kesenian dan Konsep	63
4.3.6	Gerak Laku dan Tabiat	65
4.3.7	Penguasaan Leksikal Budaya Melayu	66
4.4	Perbezaan Antara Penguasaan Leksikal Budaya Cina dan Leksikal Budaya Melayu	68
4.5	Implikasi Penguasaan Leksikal Budaya Terhadap Pemahaman Budaya	69
4.6	Kesimpulan	70
5	KESIMPULAN DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	71
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	71
5.3	Batasan Kajian	72
5.4	Cadangan	72
5.5	Kesimpulan	73
	BIBLIOGRAFI	75
	LAMPIRAN	81
	BIODATA	89
	SENARAI PENERBITAN	90

SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
3.1	Enrolmen murid sekolah rendah di bandar Masjid Tanah pada Ogos 2016	25
3.2	Markah ujian Mac 2016 Bahasa Cina Penulisan	26
3.3	Pemilihan jenis tajuk karangan	28
3.4	Sasaran leksikal budaya dalam karangan Tahun Baru Cina	30
3.5	Sasaran leksikal budaya dalam karangan majlis perkahwinan Cina	30
3.6	Sasaran leksikal budaya dalam karangan Hari Raya Aidilfitri	31
3.7	Sasaran leksikal budaya dalam karangan majlis perkahwinan Melayu	32
3.8	Leksikal budaya bahasa Cina dan bahasa Melayu pada peserta kajian rintis	35
4.1	Perbandingan penggunaan leksikal budaya dalam karangan bahasa Cina	40
4.2	Leksikal budaya dalam budaya material pada karangan bertajuk "Tahun Baru Cina"	42
4.3	Leksikal budaya dalam budaya material pada karangan bertajuk "Majlis Perkahwinan Cina"	46
4.4	Leksikal budaya dalam budaya sosial pada karangan bertajuk "Tahun Baru Cina"	47
4.5	Leksikal budaya dalam budaya sosial pada karangan bertajuk "Majlis Perkahwinan Cina"	49
4.6	Leksikal budaya dalam adat resam, aktiviti, agama, kesenian dan konsep pada karangan bertajuk "Tahun Baru Cina"	50
4.7	Leksikal budaya dalam adat resam, aktiviti, agama, kesenian dan konsep pada karangan bertajuk "Majlis Perkahwinan Cina"	53
4.8	Penguasaan leksikal budaya bahasa Cina	56
4.9	Perbandingan penggunaan leksikal budaya dalam karangan bahasa Melayu	58
4.10	Leksikal budaya dalam budaya material pada karangan bertajuk "Hari Raya Aidilfitri"	59
4.11	Leksikal budaya dalam budaya material pada karangan bertajuk "Majlis Perkahwinan Melayu"	60
4.12	Leksikal budaya dalam budaya sosial	62
4.13	Leksikal budaya dalam adat resam, aktiviti, agama, kesenian dan konsep pada karangan bertajuk "Hari Raya Aidilfitri"	63
4.14	Leksikal budaya dalam adat resam, aktiviti, agama, kesenian dan konsep pada karangan bertajuk "Majlis Perkahwinan Melayu"	64
4.15	Penguasaan leksikal budaya bahasa Melayu	66
4.16	Perbandingan penguasaan leksikal budaya bahasa Cina dan leksikal budaya bahasa Melayu	68

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
2.1	Kategori Budaya oleh Newmark (1988)	13
3.1	Kerangka Teori Kajian	33
3.2	Tahun Baru Cina	34
3.3	Hari Raya Aidilfitri	35



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Dalam dunia yang terdiri daripada pelbagai etnik ini, adalah susah untuk kita menemukan etnik yang asli dan tidak bercampur dengan etnik lain. Sesungguhnya pun sesebuah kawasan yang kompleks dan mempunyai pelbagai etnik, setiap etnik mesti bergaul antara satu sama lain sehingga mewujudkan satu masyarakat majmuk. Australia terkenal sebagai sebuah negara pelbagai budaya yang telah menerima warga asing terutamanya pelajar dari seluruh pelosok dunia dengan terbuka (Jamilah & Niranjala, 2011). Penerimaan warga asing dan kepelbagaian budaya menyebabkan Australia menjadi sebuah masyarakat majmuk.

Selain penerimaan, Malaysia merupakan negara yang mempunyai masyarakat majmuk di mana setiap dasar yang dilaksanakan perlu selari dengan keperluan masyarakat (Jamaluddin, 2011). Antaranya ialah Dasar Pendidikan Kebangsaan yang bertujuan untuk menyatukan masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum (Chew, 2006). Berdasarkan populasi penduduk pada tahun 2017, jumlah penduduk di Malaysia ialah 32.3 million. Mereka terdiri daripada Bumiputera (68.8%) , etnik Cina (23.2%) , etnik India (7.0%) dan lain-lain (1.0%) (Jabatan Perangkaan Negara, 2017). Setiap etnik mempunyai budaya, tradisi, dan kepercayaan sendiri (Manjet, 2017). Dalam masyarakat majmuk yang kompleks ini, pertembungan budaya yang berbeza tidak dapat dielakkan. Keunikan ini melahirkan rakyat Malaysia yang mempunyai kepelbagaian budaya etnik. Kefahaman mengenai budaya etnik lain adalah sangat penting dan kefahaman ini boleh membantu untuk mengekalkan kestabilan dalam masyarakat (Abdul Rahim, 2010).

Kepelbagaian budaya etnik di Malaysia menonjolkan kepelbagaian leksikal budaya. Seseengah leksikal budaya hanya wujud dalam etnik tertentu tetapi tiada pada etnik lain. Contohnya pemberian angpau sempena Tahun Baru Cina dalam budaya Cina membawa maksud saling memberi harapan baik (Juliastuty, 2013). Pemberian duit raya sempena Hari Raya Aidilfitri dalam budaya Melayu pula membawa maksud manusia kembali ke fitrah sendiri sebagai manusia salah satunya dengan bersilaturahmi dan saling memaafkan (Dewi, 2012). Walaupun angpau dan duit raya mempunyai persamaan dari segi bentuk dan masa, namun berbeza dari segi makna pemberian dan namanya.

Sebenarnya pemahaman kepelbagaian budaya dan perpaduan rakyat merupakan salah satu objektif dalam sistem pendidikan Malaysia. Hal ini

dapat dibuktikan melalui penetapan mata pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan diajar sebagai satu mata pelajaran persekolahan mulai tahun 2005, di sekolah rendah dan menengah (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2006). Murid-murid sekolah rendah dan menengah terdedah kepada pelbagai agama, tradisi dan budaya masyarakat Malaysia untuk dijadikan wahana bagi mewujudkan perpaduan dan menghormati pelbagai budaya masyarakat di negara ini. Bagaimanapun, pelaksanaannya pada peringkat sekolah tidak menunjukkan bahawa mata pelajaran itu adalah penting. Hal ini terbukti berdasarkan jumlah masa yang diperuntukkan untuk mata pelajaran berkenaan hanyalah dua waktu sahaja seminggu atau bersamaan 60 minit tempoh seminggu di sekolah rendah dan 80 minit seminggu di sekolah menengah berbanding subjek-subjek teras atau kritikal yang lain. Selain itu, mata pelajaran Pendidikan Sivik Dan Kewarganegaraan juga hanya diuji dalam peperiksaan pada peringkat sekolah, tetapi tidak diuji dalam peperiksaan awam seperti Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM).

Selaras dengan pelaksanaan mata pelajaran Pendidikan Sivik Dan Kewarganegaraan di sekolah rendah dan menengah, kursus Hubungan Etnik sebanyak dua jam kredit juga dijadikan kursus wajib bagi para siswazah universiti tempatan pada tahun 2005. Pendidikan masih memainkan peranan utama dalam pembentukan perpaduan pelbagai etnik di Malaysia. Kerajaan Malaysia telah mengambil langkah untuk memupuk persefahaman antara etnik dalam kalangan generasi muda dengan bermula dari sekolah (Manjet, 2017).

Memandangkan pihak kementerian pendidikan berusaha mewujudkan satu siri mata pelajaran yang mementingkan kepelbagaian budaya masyarakat Malaysia, sepatutnya rakyat mempunyai pemahaman yang jelas dan sensitiviti yang tinggi terhadap kepelbagaian budaya. Namun hakikatnya, hasil kajian Chew (2009) yang bertujuan untuk menilai pelaksanaan pendidikan sastera perpaduan dan kesannya menunjukkan bahawa buku teks KOMSAS tidak mencerminkan realiti masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Guru-guru bahasa jarang menerapkan elemen perpaduan kaum sama ada di dalam mahupun luar kelas. Para pelajar juga tidak berminat terhadap pembelajaran KOMSAS yang didapati lebih berpusatkan etnik Melayu. Selain itu, mereka juga jarang bergaul dengan kawan etnik lain.

Hasil kajian Hamidah (2011) juga menunjukkan tahap hubungan sosial pelajar universiti tahun satu berada pada tahap sederhana. Usaha pihak kementerian tidak mendapat hasil yang memuaskan. Tambahan pula, hasil kajian Ang Lay Hoon dan Lam Kai Chee (2015) juga menunjukkan etnik Cina di Malaysia menghormati cara hidup etnik Melayu dan etnik India di Malaysia tetapi tidak menolak dan tidak mengadaptasikannya dalam kehidupan harian. Petanda ini menunjukkan kepelbagaian etnik hidup bersama tetapi kurang memahami dan berintegrasi antara satu sama lain.

Hasil kajian Yasmin Ahmad (2016) yang berkaitan dengan sensitiviti kepelbagaian budaya dalam kalangan guru pelbagai etnik di sekolah menengah kebangsaan di Malaysia juga menunjukkan bahawa guru daripada kumpulan etnik India mempunyai tahap sensitiviti kepelbagaian budaya yang lebih tinggi berbanding dengan guru daripada kumpulan etnik Melayu dan guru daripada kumpulan etnik Cina. Beliau menyeru agar guru haruslah sentiasa memahami dan berurusan secara langsung dengan sensitiviti yang wujud antara budaya bagi memastikan integrasi budaya. Kajian Najeemah (2008) menunjukkan bahawa apabila murid dari kelompok etnik yang sama itu berkumpul bersama dengan kelompok etnik lain, mereka cenderung untuk bergaul dengan etnik yang sama. Murid-murid telah biasa berkumpul mengikut ketentuan sosial terutamanya di sekolah (Faridah dan Amir, 2004). Kajian-kajian di atas ialah satu petanda sama ada pemahaman budaya antara etnik adalah cukup.

Sejajar dengan kajian seperti yang dinyatakan di atas, pemahaman terhadap budaya etnik lain perlu dikaji. Oleh itu, kajian ini dijalankan dengan melibatkan penguasaan budaya etnik individu sendiri dan budaya etnik lain melalui leksikal dan seterusnya melihat sejauh manakah pemahaman budaya sesuatu etnik tertentu. Hal ini disokong oleh kajian Luciana (2015) yang menunjukkan bahawa pengetahuan budaya sesuatu etnik dapat diperkenalkan melalui leksikal budaya. Semakin banyak leksikal budaya tertentu yang ditunjukkan, semakin banyak budaya tertentu yang ingin diperkenalkan kepada orang ramai. Leksikal budaya dapat membantu murid untuk meluaskan perspektif terhadap kepelbagaian budaya, kepercayaan dan pengetahuan di dunia. Oleh hal demikian, kajian ini dijalankan berkaitan dengan leksikal budaya bagi menggambarkan pemahaman budaya.

1.2 Permasalahan Kajian

Wang (1998) merujuk leksikal budaya sebagai leksikal yang berkaitan dengan politik, ekonomi, sejarah dan kebudayaan etnik tertentu. Leksikal budaya terbentuk dari sejarah, di mana ia pernah wujud dalam kehidupan biasa dan mempunyai maksud keistimewaan kebudayaan etnik tertentu. Zhang (2003) merujuk leksikal budaya sebagai leksikal yang mengandungi maksud tersirat yang memerlukan seseorang untuk memahami budaya tertentu sebelum memahami leksikal budaya ini. Menurut Asmah Haji Omar (2010) dalam linguistik, "kata" dikenali sebagai leksis atau unit leksikal. Leksikal sesuatu bahasa berkaitan dengan budaya dan komuniti bahasa berkenaan. Fu (2011) pula merujuk leksikal budaya sebagai leksikal yang mengandungi unsur budaya padanya. Merujuk kepada pandangan sarjana terhadap leksikal budaya dapat disimpulkan bahawa leksikal budaya merupakan leksikal yang membawa maksud tersirat budaya bagi etnik tertentu.

Berdasarkan konteks kajian ini, leksikal budaya adalah perbendaharaan kata berkaitan dengan unsur budaya. Setiap masyarakat mempunyai leksikal tertentu yang berkaitan dengan budaya masing-masing. Leksikal budaya boleh terdiri daripada kata, kelompok kata, atau gabungan kata mewakili budaya yang dimiliki dan diamalkan oleh mereka. Contohnya, orang Eskimo yang mempunyai banyak perkataan bagi menyatakan tentang jenis-jenis salji kerana mereka hidup di kawasan yang bersalji. Bagi merujuk perkataan salji *snow*, mereka mempunyai rujukan khusus bagi salji berdasarkan ciri-ciri tertentu contohnya salji yang baru turun, salji yang berada di atas tanah, ataupun salji yang masih basah. Sebaliknya, bagi masyarakat yang seumur hidupnya tinggal di kawasan yang beriklim khatulistiwa hanya mengenali satu jenis salji sahaja. Sementara di Malaysia khususnya, orang Melayu mempunyai perkataan yang khusus untuk *rice*. Di dalam bahasa Inggeris *rice* boleh merujuk kepada padi, beras, antah, emping ataupun nasi di dalam bahasa Melayu. Contoh dari segi budaya material pula, *kimono* adalah leksikal bagi budaya material masyarakat Jepun dan baju *cheong sam* bagi masyarakat Cina.

Sushi adalah makanan khas Jepun yang popular di seluruh dunia (*Tokyo Metropolitan Government, 2018*). Di negara selain Jepun, *sushi* berkembang secara unik dimana menunjukkan budaya makanan negara tersendiri, seperti *sushi* dengan *apokat*, keju, udang goreng, dan lain-lain di dalamnya. *Sushi* ini sebenarnya adalah membawa maksud nasi bercuka. Cuka ditambah pada nasi yang digumpal, kemudiannya akan dibalut bersama dengan ikan, udang, sotong, ataupun rumpai laut. Terdapat bermacam-macam jenis ikan yang popular seperti salmon, *maguro* (tuna) telur ikan, *unagi* (belut) dan sebagainya. Makanan-makanan laut ini akan dibalut atau diletakkan di atas nasi yang sudah digumpal tadi serta akan diletakkan bersama-sama *wasabi*. *Wasabi* ini sebenarnya diambil dari pokok *wasabi* dan rasanya sangat perit. Kita akan merasa keperitan di hidung sekiranya makan *wasabi* ini. *Sushi* dan *wasabi* merupakan leksikal budaya Jepun yang dapat menggambarkan budaya pemakanan Jepun.

Selain *sushi* di Jepun, makanan Korea Selatan juga merupakan masakan unik yang tumbuh dari budaya, lingkungan, geografi, dan iklim negara Korea Selatan itu sendiri (Mellisa, 2014). Makanan Korea Selatan memiliki rasa, rempah-rempah, bahan, dan teknik tersendiri. *Kimchi* merupakan makanan yang dapat menggambarkan budaya pemakanan Korea Selatan. *Kimchi* adalah suatu makanan yang biasanya merupakan sayuran yang rendah kalori dengan kadar serat yang tinggi (misalnya bawang, kacang panjang, selada, dan lain-lain) yang dimasak sedemikian rupa dengan bumbu dan rempah-rempah sehingga menghasilkan rasa yang unik dan biasanya pedas. Di setiap sesi makanan, ketiadaan *kimchi* akan memberikan kesan tidak lengkap. Terdapat banyak faktor yang membuat *kimchi* menjadi makanan yang istimewa. Faktor pertama adalah pembuatannya. *Kimchi* dibuat oleh wanita pada hari yang mengadakan acara tertentu sahaja. Semakin banyak wanita yang turut membantu dalam pembuatan *kimchi* ini, semakin

bermakna pula *kimchi* tersebut. *Kimchi* juga merupakan faktor penentu kepintaran atau kehebatan seorang wanita dalam memasak. Jika seorang wanita mampu membuat *kimchi* yang enak, tidak diragukan lagi kemampuan wanita tersebut dalam memasak makanan lain. Faktor ketiga adalah asal mula *kimchi*. *Kimchi* pada awalnya dibuat oleh permaisuri dari Raja Sejong sebagai hidangan untuk perayaan Sesi. *Kimchi* menjadi leksikal budaya Korea Selatan yang dapat menggambarkan budaya pemakanan Korea Selatan.

Dalam masyarakat Melayu di Malaysia, *gasing*, *wau* dan *congkak* merupakan leksikal budaya yang dapat menggambarkan permainan tradisional etnik Melayu. Kegiatan seni Melayu mempunyai identiti tersendiri yang juga memperlihatkan gabungan berbagai-bagai unsur tempatan dan luar (Jabatan Penerangan Malaysia, 2018).

Dalam masyarakat India di Malaysia, *kolam* merupakan leksikal budaya yang dapat menggambarkan kesenian etnik India. *Kolam* dilakar di atas tanah di perkarangan pintu depan rumah dengan menggunakan beras dan tepung yang berwarna. Ada juga yang membuat *kolam* dengan menggunakan bunga dari pelbagai warna. Rekaan *kolam* dipercayai membawa kesejahteraan terhadap kediaman tersebut (Jabatan Penerangan Malaysia, 2018).

Dalam masyarakat Cina di Malaysia, agama umum yang dipegang ialah agama Buddha. Walau bagaimanapun, ajaran Konfucianisme dan Taoisme juga penting kepada masyarakat Cina. Tema utama dalam ajaran Konfucianisme ialah "*preservation of the state and the preservation of the family*" atau dalam perkataan ialah 孝¹*xiao* (taat) (Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, 2018). Hal ini jelas dilihat daripada perayaan yang masih kekal sehingga hari ini iaitu *Cheng Meng*. Etnik Cina menyembah kubur nenek moyang pada Hari *Cheng Meng* supaya anak cucu mengingati jasa nenek moyang. Oleh kerana dalam ajaran Konfucianisme amat mementingkan *xiao*, maka untuk mendapatkan anak adalah penting supaya mewarisi zuriat keluarga. Dengan ini perkahwinan adalah digalakkan supaya mendapat anak secara sah (Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, 2018). *Xiao* menjadi leksikal budaya yang unik dalam masyarakat Cina.

Memandangkan setiap etnik mempunyai leksikal budaya tersendiri, sebagai sebuah negara yang terdiri daripada pelbagai etnik, masyarakat Malaysia masing-masing mengamalkan budaya tersendiri. Walaupun setiap etnik mengamalkan budaya yang berbeza antara satu sama lain, tetapi kehidupan harian setiap etnik tidak dapat mengelak daripada bertembung dengan budaya etnik lain. Dalam kehidupan pertembungan budaya setiap hari, adakah ini bermakna setiap etnik memahami budaya etnik antara satu sama

¹ Semua sebutan bahasa Cina akan ditulis dalam tulisan italic dan maksudnya dalam bahasa Melayu akan ditulis dalam kurungan.

lain? Contohnya etnik Melayu akan menziarahi kubur anggota keluarga yang telah meninggal dunia sempena hari pertama perayaan Hari Raya Puasa. Akan tetapi untuk etnik Cina adalah menjadi pantang larang ke kubur semasa perayaan Tahun Baru Cina (Zhao,2002:71). Selain itu, dalam adat perkahwinan etnik Melayu, pihak lelaki memberi hantaran kepada pihak perempuan manakala bagi etnik India hantaran perkahwinan diberikan oleh pihak perempuan kepada pihak lelaki. Etnik yang memahami budaya tertentu tidak akan berasa hairan tetapi bagaimana pula dengan golongan yang tidak memahami perbezaan budaya antara kedua-dua etnik? Hal ini tidak bermaksud golongan ini tidak memahami budaya lain tetapi lebih menunjukkan ketidakfahaman terhadap kepelbagaian budaya.

Justeru itu, aspek leksikal diaplikasikan dalam bidang linguistik bandingan terapan untuk mempersoalkan persamaan dan perbezaan linguistik antara dua bahasa, iaitu bahasa Cina dan bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana kajian berkaitan linguistik di Malaysia lebih berfokus pada satu bahasa, contohnya Yeap (2011), Wan Khairulhusna (2011), Hishamudin Isam (2011), Suhaidah Said (2014) dan Cristina dan Ong (2015). Perbandingan dan penerapan bahasa masih kurang diambil perhatian. Sebenarnya perbandingan antara dua bahasa penting untuk keperluan penggunaan harian. Hasil perbandingan dapat membantu mempertingkatkan pengajaran bahasa dan seterusnya menyelesaikan pertikaian antara kedua-dua bahasa.

Selain itu, leksikal budaya perlu dikaji untuk mengetahui tahap penguasaan leksikal budaya pada murid Cina bagi mengelakkan kesilapan pemahaman budaya. Jika tahap penguasaan budaya lemah, murid akan cenderung untuk menggunakan leksikal budaya secara umum sahaja kerana kekurangan pemahaman. Murid-murid bukan sahaja tidak mendalami budaya etnik sendiri malah juga budaya etnik lain. Hal ini disebabkan oleh pembelajaran budaya yang tidak mendalam dan mungkin menimbulkan kes salah faham budaya. Oleh itu, kajian tentang leksikal budaya perlu dijalankan.

1.3 Objektif Kajian Dan Soalan Kajian

Kajian ini dijalankan berdasarkan dua objektif kajian dan dua soalan kajian seperti di bawah.

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk:

- 1) Mengenal pasti leksikal budaya yang terdapat dalam penulisan karangan bahasa Cina dan bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina di sekolah rendah.

2) Menganalisis leksikal budaya yang dominan dalam kalangan murid Cina di sekolah rendah.

Soalan kajian ini adalah seperti berikut:

1) Apakah leksikal budaya yang terdapat dalam penulisan karangan bahasa Cina dan bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina di sekolah rendah?

2) Apakah leksikal budaya yang dominan dalam kalangan murid Cina di sekolah rendah?

1.4 Skop Kajian

Kajian ini terhad kepada aspek leksikal dalam bahasa Cina dan bahasa Melayu. Fokus kajian ialah berkenaan dengan leksikal budaya yang terdapat pada karangan bahasa Cina dan bahasa Melayu. Cara pengolahan dan kesilapan penulisan tidak diteliti dalam kajian ini. Selain itu, kajian ini juga menekankan penguasaan dan pemahaman leksikal budaya dalam bahasa Cina dan bahasa Melayu.

1.5 Kepentingan Kajian

Secara ringkasnya, hasil kajian ini dapat memberi rujukan terhadap Bahagian Pembangunan Kurikulum Pendidikan untuk menetapkan kurikulum pendidikan agar menyerapkan leksikal budaya dalam standard kurikulum pengajaran dan pembelajaran bahasa. Hal ini bukan sahaja dapat memberi impak yang positif bagi merapatkan lagi hubungan silaturahim dalam kalangan murid pelbagai etnik di Malaysia malah dapat mereka bentuk kurikulum yang lebih berunsur tempatan.

Selain itu, hasil kajian ini juga dapat memberi manfaat kepada pengajar supaya memberi perhatian terhadap leksikal budaya bagi etnik tertentu. Kajian ini dapat membantu pengajar memberi pendedahan kepada murid-murid yang masih kurang peka terhadap leksikal budaya di samping menambah perbendaharaan kata murid-murid melalui leksikal budaya. Selain itu, murid-murid dapat mengenali dan memahami budaya sendiri dan etnik lain melalui leksikal budaya supaya dapat berinteraksi dengan etnik lain bagi mengelakkan perselisihan faham dan pergaduhan. Murid-murid juga dapat menghindari prejudis terhadap kepelbagaian etnik dan membina sikap positif terhadap kepelbagaian etnik. Akhirnya pergaulan harmoni antara

murid dari pelbagai etnik dapat dicapai.

Untuk pengkaji bidang linguistik pula, hasil kajian ini dapat menambahkan lagi kajian dalam bidang linguistik. Selain menjadi bahan rujukan kepada pengkaji khususnya bagi pengkaji yang ingin mendalami bahasa Cina dan bahasa Melayu dalam membuat perbandingan budaya Cina dan budaya Melayu, kajian ini juga dapat mengisi jurang kekurangan yang ada pada bidang linguistik. Diharapkan hasil kajian ini dapat diguna sebagai indikator dalam pengetahuan antara budaya dan menggalakkan lagi lebih pengkaji mengkaji mengenai tema ini.

1.6 Kesimpulan

Pergaulan pelbagai etnik dalam kehidupan harian mengakibatkan pertembungan budaya yang berbeza dan memerlukan kesefahaman daripada pelbagai etnik untuk menjamin keharmonian hidup. Leksikal budaya merupakan salah satu cara untuk memahami budaya tertentu. Kajian ini dijalankan bertujuan mengenal pasti leksikal budaya bahasa Cina dan bahasa Melayu dalam penulisan karangan dan seterusnya menganalisis leksikal budaya yang dominan pada murid Cina sekolah rendah. Skop kajian terhad pada leksikal budaya yang terdapat pada karangan bahasa Cina dan bahasa Melayu. Kajian ini penting dalam penyebaran budaya etnik melalui leksikal budaya.

BIBLIOGRAFI

- Abdel, R. M. A., Aseel, S. Z. (2014). Perception of Culturally Loaded Words by Arab EFL Learners. *International Journal of Linguistics*, 6(3), 1-22.
- Abdul, R. H., Mohd N. G., Anis, A. (2010). Proceeding International Conference on Learner Diversity: *Fostering Inter Group Contacts among Multiracial Students in UTM*. Bangi: UKM.
- Ang, L. H., Lam K. C. (2015). The adaptation of Malaysian Chinese to Malaysian and Indian living culture. *Overseas Chinese Journal of Bagui*, 1(1), 10-18.
- Asmaa', N. Y. 2015. *Aspek Leksikal dalam Permainan Tradisional Melayu*, Tesis Ijazah Sarjana Muda, Universiti Putra Malaysia.
- Aziz, A. D. (1994). *Masyarakat Kebudayaan Malaysia*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Cahaya Pantai.
- Boh, P. E., Goh, S. S. (2013). Kehilangan makna dalam penterjemahan chengyu ke dalam bahasa Melayu. *Kajian Malaysia*, 31(1), 79–96. Muat turun dari:
[http://web.usm.my/km/31\(1\)2013/KM%2031\(1\)%20ART%205%20\(79-96\).pdf](http://web.usm.my/km/31(1)2013/KM%2031(1)%20ART%205%20(79-96).pdf)
- Chew, F. P. (2006). Pendidikan kesusasteraan Melayu di Malaysia dan permasalahannya. *Masalah Pendidikan*, 29, 143-158.
- Chew, F. P. (2009). Pendidikan sastera perpaduan menerusi KOMSAS Tingkatan 4: Pelaksanaan dan kesannya. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34(2), 15-31.
- Christina, O. S. B., Yuen, C. K. (2015). Functional types of lexical bundles in reading texts of Malaysian University English Test: a corpus study. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 15(1), 77-90.
- Dewi, R. S. (2012). Representation of communication between cultures and moral messages in animation film (study analysis of animation film "Upin Ipin" in MNC TV). *Jurnal Komunikasi Pembangunan*, 10(1), 9-26.
- Eissa, A. K., Khaled, A. T. (2015). Lexical Discourse Analysis in Translation. *Journal of Education and Practice*, 6(3), 106-112.
- Fatemeh, H. G., Mohamad, R. M.. (2013). The importance of cross-cultural awareness in writing sales promotion letters. *Proceda-Sosial dan Sains Kelakuan*, 70, 771-776.
- Fu, C. Y. (2011). A survey of cultural words. *Journal of Hebei Polytechnic*

University,11(3), 106-112.

Hadley, G. (1997). Lexis and culture: bound and determined?. *Journal of Psycholinguistic Research*, 26(4), 483-496.

Hamidah, A.R. (2011). Kajian tinjauan hubungan etnik dalam kalangan pelajar tahun satu di kampus Johor Bahru, Universiti Teknologi Malaysia (UTM).*Jurnal Teknologi*, 54(1), 65-76.

Hesham, H.A. (2015). Speed of lexical access to Arabic and English letters. *Journal of Education and Practice*, 6(9), 80-84. Retrieved from ProQuest Central Database.

Hishamudin, I., Norsimah, M. A. (2011). Analisis berasaskan korpus dalam menstruktur semula kedudukan makna teras leksikal setia. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*,11(1), 143-158.

How, S. Y., Chan, S. H., Ain, N. A. (2015). Language Vitality of Malaysian Languages and Its Relation to Identity. *Journal of Language Studies*, 15(2), 120-136.

Hu, X. 2015. *An Analysis on Chinese Culture-loaded Words in the English version of The Dream of Ding Village from the Perspective of Peter Newmark's Translation Theory* , Master Thesis, Northwest University, China.

Huseyin, K. (2012). Lexical cohesion: an issue only in the foreign language? *Canadian Center of Science and Education*, 5(3), 83-91. Doi: 10.5539/elt.v5n3p83

Ishak, Z., Chew, F.P. (2012) *Family bonding and self-concept: An indirect effect mediated by school experiences among students*. In: World Academy of Science, Engineering and Technology, 13-14 May 2012, Amsterdam, The Netherlands.

I, P. E. S. (2013). Cultural Terms in The Old Man and The Sea and Their Translations in Lelaki Tua dan Laut. *Jurnal online Humanis*, 3(2),1-8.

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara. (22 Mac 2018). *Masyarakat Cina*. Muat turun dari : <http://www.jkkn.gov.my/ms/masyarakat-cina-0> .

Jabatan Penerangan Malaysia. (22 Mac 2018). *Masyarakat Melayu di Malaysia*. Muat turun dari : <http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/budaya/3240-masyarakat-melayu-di-malaysia.html>

Jabatan Penerangan Malaysia. (22 Mac 2018). *Warisan Budaya India*. Muat turun dari : <http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/budaya/19032-warisan-budaya-india.html>

- Jabatan Perangkaan Malaysia. (6/4/2018). Perangkaan demografi suku tahun keempat (ST4) 2017, Malaysia. Muat turun dari: <https://www.dosm.gov.my/v1/index.php>
- Jamaluddin, Mior K.A. (2011). Sistem pendidikan di Malaysia: Dasar, cabaran, dan pelaksanaan ke arah perpaduan nasional. *Jurnal Pendidikan Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 4(1),33-48.
- Jamilah, H.A, Niranjala, W. (2011). Komunikasi budaya silang, kompetensi, pengajaran dan pembelajaran: Satu analisis. *Jurnal Pendidikan Malaysia* , 36(1), 45-53. Muat turun dari : <http://ejournal.ukm.my/jpend/article/view/13293/4216>
- Juliastuty, D. (2013). *Pemertahanan budaya Tionghoa dalam novel kau,aku dan sepucuk angpau merah karya tere liye*. *Kandai*, 9(2), 342-356.
- Karim, F., Hassan, A. (2004). Bangsa Malaysia: Suatu realiti dalam masyarakat yang berpola. In *4th International Malaysian Studies Conference* (pp. 3-5).Bangi:UKM.
- Karim, S. (1988). *Linguistik transformasi generatif: suatu penerapan pada Bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kotlak, C.P. (2002). *Anthropology: The Exploration of Human Diversity*. Edisi ke-9. New York: McGraw-Hill Companies, Inc.
- Li, Q. L. (2002). *Chinese Cultural History*. Beijing: Penerbitan Pendidikan Tinggi.
- Lim, C. K., Chia, O. P. (2004). *Adat Resam Masyarakat Cina*. Putrajaya:Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.
- Liu, E. 2013. *A Study of the Translation Strategy for Culture-loaded Words: with Reference to Chi-chen Wang's Dreams of the Red Chamber*, Master's Dissertation, Yanshan University, China.
- Luciana, E. K. P. K. A. (2015). Lexical equivalence of cultural terms when concepts are shared or unknown in translation. *Jurnal online Humanis*, 11(2),1-6.
- Lynd,R.S. (1970). *Knowledge for What? The Place of Social Science in American Culture*. New Jersey:Princeton University Press.
- Manjet, K., Fatin, N. A. M. , Jaganathan, P. , Karupiah, P., Ahmad, S. N. A. (2017).Exploring Malaysian based intercultural knowledge and behaviour among secondary school students through English language intercultural reading programme (ELIRP).*Pertanika Journal of Social Science & Humanities*, 25 (3), 1383 - 1400.

- Melissa, M., Elisabeth, C. Y., Adi, S. K. (2014). Perancangan buku pengenalan makanan khas Korea. *Jurnal Desain Komunikasi Visual Adiwarna*, 2(5), 1-13.
- Naginder, K. (2013). A case study of tertiary learners' capability in lexical knowledge. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 13(1), 113-126.
- Najeemah, Y. (2008). Multicultural education: managing diversity in Malaysia schools. *Malaysian Education Deans Council Journal*, 2(7), 1-8.
- Najib, M. A. G. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Newmark, P. (1988). *A Textbook of Translation*. United Kingdom: Prentice Hall International.
- Nida, E. A. (1964). *Toward a science of translating: with special reference to principles and procedures involved in Bible translating*. Leiden: Brill Archive.
- Noorli, K., Imran, H. (2017). Lexical features of engineering English vs. general English. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 17(3), 106-119.
- Noraziah, A. A. 2014. *Analisis Leksikal Budaya dalam Rimba Harapan dan Terjemahannya La Jungle De L'Espoir*, Master Disertasi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Nord, C. (1997). *Translating as a Purposeful Activity: Functionalist Approaches Explained*. Manchester: St. Jerome Publishing.
- Norhana, M. S. 2015. *Pemerolehan leksikal bahasa Jepun melalui penceritaan digital*, Masters thesis, University of Malaya, Kuala Lumpur.
- Normaliza, A. R., Awang, A. A. P., Nik, R. N. M. A. (2018). Integration of values and culture in Malay folklore animation. *Pertanika Journal of Social Science & Humanities*, 26(1), 359 - 374.
- Omar, A. H. (2010). *Kajian dan Perkembangan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah, Melaka. (29/6/2018). Bilangan penduduk daerah Alor Gajah. Muat turun dari: <http://www.pdtag.gov.my/index.php/profil-daerah/info-daerah>
- Pusat Perkembangan Kurikulum Malaysia. (2006). *Pendidikan sivik dan kewarganegaraan tahun 6: huraian sukatan pelajaran : Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Pusat Perkembangan Kurikulum Malaysia. (2006). *Pendidikan sivik dan kewarganegaraan tingkatan 3: huraian sukatan pelajaran : Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ruwaida, A. R. (2011). Cultural transfer as an obstacle for writing well in English: the cast of Arabic speakers writing in English. *English Language Teaching*, 4(2), 206-212.
- Sapir, E. (2000). *The Status of Linguistics as a science*, dalam The Routledge Language and Cultural Theory Reader, Burke, L. (ed.), hlm. 395-400. London: Routledge.
- Shahila, N. M., Hazlina, A. H., Roslina, M., Normaliza, A. R. (2016). Percampuran kod sebagai strategi penyampaian mesej dalam wacana iklan berbahasa Sepanyol. *Jurnal Kemanusiaan*, 25(1), 70 - 84.
- Suhaidah, S., Siti, N. J. F., Nor, S. C. P. *Analisis Gender dalam Bahasa Melayu dari Sudut Leksikal dan Makna*. Kertas dibenteng di Symposium of International Language & Knowledge, Pulau Pinang. 2014. Muat turun dari : <http://dspace.unimap.edu.my:80/dspace/handle/123456789/34585>
- Tang, J. (2007). A study of culture connotation's similarities and differences between English and Chinese animal lexicons. *Journal of Shandong Institute of Commerce and Technology*, 7(4), 92-94.
- Tokyo Metropolitan Government. (22 Mac 2018). *Perkenalan terhadap makanan Jepun yang terkenal*. Muat turun dari : <http://www.menu-tokyo.jp/tradition/sushi.php?lang=id>
- Wan, K. W. M. 2011. *Kelestarian Bahasa Orang Asli Bateq dan Mah Meri berdasarkan aspek Fonologi dan Leksikal*. Master Tesis, Universiti Putra Malaysia, Selangor, Malaysia. Muat turun dari: <http://psasir.upm.edu.my/19407/>
- Wang, D. C. (1998). *National Semantics and Chinese National Dictionary*. Shanghai: Shanghai Education Press.
- Wu, Y. Y. (2009). Kajian komparatif mengenai makna konotatif leksikal budaya dan pengajaran komunikasi silang budaya. *Science & Technology Information*, 20, 210.
- Yasmin, A., Najeemah, M. Y. (2016). Sensitiviti kepelbagaian budaya dalam kalangan guru pelbagai etnik di sekolah menengah kebangsaan di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 41(1), 71-78. Muat turun dari : <http://ejournal.ukm.my/jpend/article/view/14043/4311>
- Yeap, C. K. (2011). A metrological study on vocabulary with Chinese culture and local vocabulary in Chinese textbooks used in Malaysia. *Chinese*

Language Globalization Studies, 2,74-82.

Zhang, G. X. (2003). Leksikal budaya dalam pembelajaran bahasa kedua. *Journal of Yunnan Normal University*, 3,61-65.

Zhang, Q. 2011. *Explanation on Chinese Culture-loaded Words in Fortress Besieged from the Perspective of Peter Newmark's Translation Theory*, Master Thesis, Huazhong University of Science and Technology, China.

Zhao, D. Y. (2002). *Chinese Traditional Festival Culture Research*. Beijing : Renmin Publisher.

